

10/03/1997

6 kementerian bertindak (HL)

Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Ahad - Enam kementerian terbabit dalam merangka program bersepadu untuk melahirkan lebih ramai golongan menengah Bumiputera.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed, berkata satu mesyuarat akan diadakan pada 17 Mac ini untuk meneliti semula kelemahan program sedia ada dan merangka yang baru.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dijangka mempengerusikan mesyuarat itu.

Mustapa berkata, selain kementeriannya selaku urusetia, Kementerian Kewangan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, serta Kementerian Pembangunan Luar Bandar, turut terbabit.

Semua Menteri Besar dan Ketua Menteri juga dipanggil dalam mesyuarat berkenaan, selain wakil Unit Perancang Ekonomi (EPU) dari Jabatan Perdana Menteri.

Menurutnya, mesyuarat itu akan meneliti mutu dan kelemahan program sedia ada yang dilaksanakan secara berasingan oleh beberapa kementerian sebelum kerajaan merangka pendekatan baru yang lebih bersepadu dalam tempoh terdekat ini.

Katanya, tumpuan program untuk menambah golongan menengah Bumiputera ialah menyediakan lebih banyak tempat dan peluang kepada mereka menyertai latihan kemahiran serta profesional.

Tumpuan kedua ialah memperluaskan bidang francais dan kemudahan memperolehi modal; dan ketiga untuk menambah jumlah pelabur yang memiliki saham lebih RM100,000.

Beliau berkata, kemahiran adalah asas seseorang untuk menambah pendapatan dan lebih ramai Bumiputera perlu dilatih dalam bidang tertentu termasuk teknologi maklumat (IT) dan perkhidmatan bagi mencapai maksud itu.

"Français juga bidang yang diberi tumpuan oleh kementerian. Setakat ini, 218 francais berjaya diwujudkan melalui program kementerian tetapi jumlah itu masih kecil," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis sambutan Aidilfitri/Tahun Baru Cina dan Mesyuarat Agung Pertama Persatuan Usahawan Pasar Moden Gombak (PUPMG), di sini, hari ini.

Sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno, melahirkan kebimbangan parti itu mengenai golongan menengah Bumiputera yang kecil dan tidak seimbang berbanding kaum lain.

Sehubungan itu, Umno mendesak kerajaan negeri dan agensi pusat mewujudkan lebih banyak program untuk menambah bilangan kelas menengah Bumiputera.

Mustapa berkata, kerajaan juga akan mencari jalan mempertingkatkan pembabit Bumiputera dalam pelaburan saham sebagai satu ejen menambah bilangan golongan menengah.

Kini, lebih 60,000 pelabur Amanah Saham Bumiputera melabur pada tahap RM100,000.

Bidang lain yang sesuai diterokai ialah perkhidmatan, vendor serta pembekalan komponen kepada syarikat besar.

Prestasi usahawan kecil juga dipertingkatkan kerana potensi untuk maju sangat cerah jika diberi peluang dan kemudahan sewajarnya.

Mustapa berkata, kementeriannya mengadakan pertemuan dengan wakil usahawan kecil, sederhana dan besar bagi mencari input baru mengenai program melahirkan golongan menengah Bumiputera pada 24 Februari lalu.

"Sehari selepas itu, kita berbincangan dengan agensi pusat termasuk EPU dan Kementerian Kewangan untuk melihat bagaimana kita boleh memperkenalkan program atau meningkatkan kualiti program sedia ada," katanya.

(END)